



## Domestic and Family Violence Visa Support

# Keganasan rumah tangga dan keluarga serta visa anda

- Keganasan rumah tangga dan keluarga merupakan kesalahan jenayah di Australia dan tidak boleh diterima dalam apa jua keadaan.
- Jangan terus menanggung penganiayaan dalam perhubungan anda, semata-mata untuk mendapatkan visa.
- Pembatalan visa perlu pertimbangan rumit mengikut kes masing-masing.
- Hanya Menteri atau pegawai bertugas (Jabatan) berkuasa untuk menolak atau membatalkan visa seseorang. Pelaku keganasan rumah tangga dan keluarga tidak boleh membatalkan visa sesiapa.
- Pelaku keganasan rumah tangga dan keluarga boleh ditolak atau dibatalkan visa mereka.
- Status visa anda dapat diperiksa dalam talian melalui Visa Entitlement Verification Online (VEVO - Pengesahan Kelayakan Visa Dalam Talian). VEVO menyatakan visa apa yang anda miliki, bila tamat tempoh dan syarat visa anda.
  - Lihat: [immi.homeaffairs.gov.au/visas/already-have-a-visa/check-visa-details-and-conditions/overview](https://immi.homeaffairs.gov.au/visas/already-have-a-visa/check-visa-details-and-conditions/overview)
- Pihak Jabatan mesti mempunyai butir-butir hubungan anda yang terkini, supaya dapat menyampaikan maklumat penting tentang visa anda.
- Anda harus pastikan mempunyai ImmiAccount sendiri, untuk menguruskan apa-apa permohonan visa semasa atau akan datang. Akaun tersebut mesti dibuat dengan alamat e-mel dan kata laluan yang tersendiri, yang dapat diakses oleh anda sahaja.
  - Lihat: [online.immi.gov.au](https://online.immi.gov.au)
- Sistem imigresen mungkin sukar difahami. Dapatkan bantuan daripada ejen migrasi atau pengamal undang-undang yang berdaftar. Di antara mereka, ada yang mengkhususkan khidmat pada isu keganasan rumah tangga dan keluarga serta migrasi.
  - Lihat: [immi.homeaffairs.gov.au/help-support/who-can-help-with-your-application/overview](https://immi.homeaffairs.gov.au/help-support/who-can-help-with-your-application/overview)
  - Lihat: [familyviolencelaw.gov.au/](https://familyviolencelaw.gov.au/)
- Pemegang dan pemohon visa pasangan hidup tertentu boleh memohon pertimbangan supaya diberikan visa kekal, di bawah peruntukan khas berkaitan dengan keganasan keluarga (peruntukan keganasan keluarga).
  - Lihat: [immi.homeaffairs.gov.au/visas/domestic-family-violence-and-your-visa/how-we-can-help](https://immi.homeaffairs.gov.au/visas/domestic-family-violence-and-your-visa/how-we-can-help)
- Jika khuatir tentang status visa anda, sila hubungi pihak Jabatan untuk mendapatkan bantuan bagi menyelesaikan status visa serta penerangan tentang khidmat sokongan.

*Untuk penerangan lanjut, sila lihat:*  
[immi.homeaffairs.gov.au/visas/domestic-family-violence-and-your-visa](https://immi.homeaffairs.gov.au/visas/domestic-family-violence-and-your-visa)